



11 AUG, 2024

## Terus bangunkan produk tempatan

Mingguan Sarawak, Malaysia

### Terus bangunkan produk tempatan

**HADIR...** Datuk Dr. Abdul Rahman Ismail bersama Ahli Parlimen Lawas, Dato Henry Sum Agong dan tetamu kehormat lain merakam kenangan pada Program Walkabout Jualan Agro MADANI anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di Lawas.

**LAWAS:** Usahawan tani di Daerah Lawas perlu terus membangunkan produk tempatan dalam memajukan aktiviti perniagaan kecil menerusi jualan pasar tamu. Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak, Datuk Dr. Abdul Rahman Ismail menjelaskan bahawa kedudukan Daerah Limbang dan Lawas adalah amat strategik untuk mengembangkan ekonomi dalam sektor pertanian, temakan mahupun perikanan selain agropelancongan.

"Kita yakin dengan kedudukan Lawas yang sangat unik dan berjiran dengan dua negara iaitu Brunei dan juga Indonesia serta berjiran dengan negeri Sabah akan memberi manfaat dalam pelbagai aspek.

"Kedudukan ini memberi kelebihan dalam aktiviti jualan termasuk pelancongan, agropelancongan, budaya dan juga pelancongan semula jadi," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Program Walkabout Jualan Agro MADANI anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), kelmarin.

Dalam pada itu, beliau juga menggesa masyarakat supaya terus mengekalkan perpaduan dan memperkukuh kerjasama di daerah ini.



11 AUG, 2024

## Terus bangunkan produk tempatan

Mingguan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

LAWAS: Usahawan tani di Daerah Lawas perlu terus membangunkan

produk tempatan dalam memajukan aktiviti perniagaan kecil menerusi

jualan pasar tamu. Timbalan Menteri Industri Makanan,

Komoditi dan Pembangunan Wiaayah Sarawak, Datuk Dr. Abdul

Rahman Ismail menjelaskan bahawa kedudukan Daerah Limbang dan Lawas adalah amat strategik untuk mengembangkan ekonomi dalam sektor pertanian, ternakan mahupun perikanan selain agropelancongan.